



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

11 Mac 2020

- I. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Lima kontek Kes Pertama (Kes #1) COVID-19 yang dimaklumkan semalam telah disahkan dijangkiti COVID-19.
 - Kes #2 ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 61 tahun yang merupakan rakan kepada Kes #1 yang telah bersama-samanya menghadiri perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia dan telah pulang ke tanah air bersama-sama Kes #1 pada 3 Mac 2020. Beliau mula mengalami tanda-tanda jangkitan (demam panas dan kesukaran bernafas) pada 7 Mac 2020. Pada masa ini, beliau berada dalam keadaan yang stabil dan tidak lagi mengalami demam panas. Penyiasatan kontek masih dijalankan bagi kes ini.
 - Kes #3 ialah anak kepada Kes #2 yang berumur 30 tahun yang juga menyertai perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau telah pulang ke Negara Brunei Darussalam pada 2 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei B1872 dan mula menunjukkan tanda-tanda jangkitan (merasa demam dan sakit-sakit badan) pada 9 Mac 2020. Penyiasatan kontek masih dijalankan bagi kes ini.

- Kes #4 ialah isteri kepada Kes #1 berumur 46 tahun. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dalam masa 14 hari sebelum menunjukkan tanda-tanda jangkitan (batuk) pada 9 Mac 2020.
 - Kes #5 dan Kes #6 adalah anak-anak kepada Kes #1, masing-masing berumur 12 dan 5 tahun dan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dalam masa 14 hari kebelakangan. Kes #5 tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan manakala Kes #6 mula mengalami batuk pada 10 Mac 2020.
2. Keenam-enam kes yang telah disahkan setakat ini sekarang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan berada di dalam keadaan yang stabil, tidak menghidap demam panas dan tidak memerlukan bantuan pernafasan.
 3. Sementara itu, pada hari ini, Kementerian Kesihatan juga ingin mengumumkan lima lagi kes baru yang telah disahkan dijangkiti COVID-19.
 - Kes #7 berumur 34 tahun dan Kes #8 berumur 32 tahun adalah warga tempatan yang telah menyertai perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia. Mereka berasal dari keluarga yang sama dan telah pulang ke Negara Brunei Darussalam pada 4 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Penerbangan Malaysia MH2594 dari Kuala Lumpur ke Miri, Sarawak. Kes #7 tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan manakala Kes #8 mula mengalami selsema juga pada 10 Mac 2020. Penyiasatan kontek masih dijalankan bagi kes-kes ini.

- Kes #9 ialah seorang warga tempatan berumur 59 tahun yang juga telah menghadiri acara keagamaan yang sama di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke Negara Brunei Darussalam pada 3 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Air Asia AK3541 daripada Kuala Lumpur ke Miri, Sarawak. Beliau mula menunjukkan tanda-tanda jangkitan (sakit tekak) pada 5 Mac 2020 dan tidak keluar rumah sejak itu.
 - Kes #10 ialah isteri kepada Kes #3 berumur 33 tahun manakala Kes #11 ialah isteri kepada Kes #9 yang berumur 52 tahun. Kes #10 tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan manakala Kes #11 mula mengalami batuk pada 10 Mac 2020. Kedua-dua kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan penyiasatan kontek masih dijalankan.
4. Kesemua kes-kes yang baru disahkan berada di dalam keadaan yang stabil, tidak menghidap demam panas dan tidak memerlukan bantuan pernafasan. Dengan kes-kes baru ini, **jumlah kes jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah 11 orang.**
 5. Kementerian Kesihatan sedang menjalankan penyiasatan kontek (*contact tracing*) bagi semua kes-kes yang telah disahkan pada hari ini. Perintah Kurantin (*Quarantine Order*) menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dikeluarkan bagi semua kontek-kontek untuk setiap kes. Setakat jam 2 petang 11 Mac 2020, lebih 100 orang telah diambil sampel bagi ujian COVID-19 di mana sebanyak 66 ujian makmal telah dijalankan dan selebihnya masih menunggu hasil ujian tersebut. Ujian makmal tersebut biasanya mengambil masa kira-kira 4 hingga 6

jam. Sementara itu, Perintah Kurantin telah dikeluarkan bagi 80 orang kontek bagi kes-kes yang telah disahkan.

6. Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk jangan merasa cemas jika bertambahnya kes berikutan daripada penyiasatan-penyiasatan kontek yang dijalankan. Oleh itu, orang ramai yang mungkin terlibat dalam penyiasatan kontek adalah diperlukan untuk memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas. Dalam pada itu, tidak ada bukti yang menunjukkan terdapat penularan jangkitan di kalangan masyarakat berleluasa pada masa ini dan keadaan adalah terkawal.
7. Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perkembangan terkini mengenainya. Kementerian Kesihatan akan terus memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan sesuai dengan keperluan. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengelakkan dari bersentuhan dengan orang lain seperti bersalam-salaman dan mengelakkan dari pergi ke luar negara jika tidak ada urusan penting.
8. Perkumpulan ramai (*mass gathering*) adalah tidak digalakkan (*discouraged*). Walau bagaimanapun, sesiapa yang menghadiri perkumpulan ramai termasuk majlis-majlis seperti majlis perkahwinan hendaklah mengamalkan kebersihan diri dan sesiapa yang mengalami tanda-tanda jangkitan adalah tidak digalakkan untuk hadir. Kementerian Kesihatan seterusnya menyeru orang ramai supaya lebih bertanggungjawab dalam aktiviti-aktiviti sosial (*to be socially responsible*).

9. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi talian-talian berikut:

- **Talian Nasihat Kesihatan - 2381380 atau 2381383** (pada waktu pejabat sahaja) atau;
- **Talian Darussalam 123** (di luar waktu pejabat).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Rejab 1441H / 11 Mac 2020M